

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
[KUDAT]

SOALAN NO. 487

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk membaiki dan menaik taraf sekolah-sekolah daif di kawasan Parlimen Kudat. Nyatakan senarai sekolah berserta dengan kosnya.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif di negeri Sabah sehingga kini telah melibatkan 153 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM552.152 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Pada tahun 2018, sebanyak 120 buah sekolah daif telah dinaik taraf dengan kos sebanyak RM429.741 juta. Sehingga 17 Oktober 2019 sebanyak 97 buah sekolah telah siap dan telah digunakan manakala baki 23 buah sekolah masih dalam peringkat pelaksanaan.

Bagi pelaksanaan tahun 2019, peruntukan sebanyak RM10 juta telah diluluskan untuk tujuan naik taraf dan pembangunan semula tiga (3) buah sekolah daif di Sabah. Kesemua projek ini akan dilaksanakan oleh pihak JKR Sabah secara tender terbuka. Projek-projek ini masih dalam

peringkat penilaian tender dan Surat Setuju Terima dijangka akan dikemukakan kepada kontraktor selewat-lewatnya akhir November 2019.

Di kawasan Parlimen Kudat khususnya, pelaksanaan naik taraf dan pembangunan semula sekolah daif melibatkan 10 buah sekolah dengan kos projek berjumlah RM63.349 juta melalui peruntukan pembangunan dan *Private Finance Initiative (PFI)*. Ia meliputi SK Bangkau-Bangkau (status fizikal 100%), SK Kapitangan (status fizikal 100%), SK Palak (status fizikal 100%), SK Perapat Laut (status fizikal 100%), SK Kasagaan (status fizikal 100%), SK Maringgan (status fizikal 100%), SK Bongkol (status fizikal 100%), SK Pinggan-Pinggan (status fizikal 100%), SK Manggis (status fizikal 100%). Bagi projek Tahun 2019 pula, projek naik taraf dan pembangunan semula Sekolah Kebangsaan Nibang, Pitas, masih dalam peringkat penilaian tender oleh JKR Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi memperkasakan penyelenggaraan aset bangunan, aset tanah dan aset infrastruktur di sekolah dan institusi pendidikan Kerajaan di Sabah, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM27,490,045.80 juta kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah pada tahun 2019. Sebanyak RM610,000.00 telah dibelanjakan untuk menyelenggara aset tak alih Kementerian Pendidikan Malaysia di PPD Kudat. Peruntukan yang disalurkan adalah untuk mengekalkan fungsi aset berkenaan, kerja-kerja penyelenggaraan secara berkala (*periodical maintenance*) dan penyelenggaraan pembaikan (*corrective maintenance*) berdasarkan permohonan daripada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah.